



**GARIS PANDUAN PELESENAN PREMIS
PERNIAGAAN DAN IKLAN**



**MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON
JABATAN PELESENAN
TINGKAT 2, TERMINAL BAS PORT DICKSON,
71009 PORT DICKSON
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
LAMAN WEB: www.mppd.gov.my
EMEL: jpl@mppd.gov.my
NO. TELEFON: 06-6463203/2057/2069**

**GARIS PANDUAN PELESENAN PREMIS
PERNIAGAAN DAN IKLAN**

MPPD-GP(JPL)-01/2021



GARIS PANDUAN PELESENAN PREMIS PERNIAGAAN DAN IKLAN

1. TUJUAN

Tujuan garis panduan ini adalah untuk memberikan panduan kepada pemohon / peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan di kawasan operasi Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) untuk membuat permohonan lesen premis perniagaan dan iklan di MPPD.

2. PENGENALAN

- 2.1 Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) merupakan satu Pihak Berkuasa Melesen yang bertanggungjawab untuk meluluskan dan mengeluarkan lesen premis perniagaan dan iklan di Port Dickson.
- 2.2 Secara asasnya lesen premis perniagaan adalah apa-apa jenis aktiviti perniagaan, perindustrian, profesyen atau lain-lain aktiviti yang dijalankan untuk tujuan mendapat keuntungan dan tiada tempat yang boleh digunakan untuk mana-mana tred, perniagaan, perindustrian melainkan setelah dilesenkan oleh MPPD.

3. ASAS PERUNDANGAN / PUNCA KUASA

- 3.1 Standard ISO 9001:2015
- 3.2 Manual Kualiti (MPPD-MK)
- 3.3 Akta Kerajaan Tempatan, 1976
- 3.4 Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998
 - Peraturan-peraturan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1999
- 3.5 Enakmen Kraf Air Peribadi 1998
 - Kaedah-kaedah Kraf Air Peribadi 2021
- 3.6 Undang-undang Kecil Melesen Tred, Perniagaan, Perindustrian dan lain-lain Profesyen (MDPD) 1983
- 3.7 Undang-undang Kecil Iklan (Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sembilan) 1992
- 3.8 Undang-undang Kecil Iklan (Pihak Berkuasa tempatan Negeri Sembilan) (Pindaan) 1996.
- 3.9 Undang-undang Kecil Pelesenan Rumah-rumah Tumpangan (MDPD) 1996.



GARIS PANDUAN PELESENAN PREMIS PERNIAGAAN DAN IKLAN

- 3.10 Undang-undang Kecil Pasar (MPPD) 2008
- 3.11 Undang-undang Kecil Pengendali Makanan (MPPD) 2010.
- 3.12 Undang-undang Kecil Pusat Siber dan Kafe Siber (MPPD) 2010.
- 3.13 Undang-undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (MPPD) 2011

4. KATEGORI LESEN PREMIS PERNIAGAAN DAN IKLAN

Lesen Premis Perniagaan dan Iklan terdiri daripada dua (2) kategori utama iaitu :

4.1 LESEN PREMIS PERNIAGAAN BERISIKO

Lesen Premis Perniagaan Berisiko ialah aktiviti perniagaan yang mungkin mendatangkan kesan bahaya kepada keselamatan dan kesihatan awam dan pencemaran kepada alam sekitar. Sebanyak 188 kategori jenis perniagaan berisiko telah dikelaskan dan pemohon perlu merujuk kepada **Lampiran 1 MPPD-P(JPL)-01**.

4.2 LESEN PREMIS PERNIAGAAN TIDAK BERISIKO

Lesen Premis Perniagaan Tidak Berisiko ialah aktiviti perniagaan yang tidak mendatangkan kesan bahaya kepada keselamatan dan kesihatan awam dan pencemaran kepada alam sekitar. Sebanyak 62 kategori jenis perniagaan tidak berisiko telah dikelaskan dan pemohon perlu merujuk kepada **Lampiran 1 MPPD-P(JPL)-02**.

5. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN DAN IKLAN

- 5.1 Pemohon hendaklah warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas. Pemohon bukan warganegara adalah tidak dibenarkan memohon.
- 5.2 Lokasi yang dipohon hendaklah dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Port Dickson.
- 5.3 Pemohon perlu mengenalpasti jenis aktiviti yang dijalankan dan perlu merujuk kepada Senarai Premis Perniagaan Berisiko di **Lampiran 1 MPPD-P(JPL)-01** dan Senarai Premis Perniagaan Tidak Berisiko di **Lampiran 1 MPPD-P(JPL)-02**.



GARIS PANDUAN PELESENAN PREMIS PERNIAGAAN DAN IKLAN

- 5.4 Setiap aktiviti yang dijalankan juga perlu merujuk kepada Pihak Berkuasa Melesen yang lain untuk keperluan tambahan dokumen sokongan. Pemohon hendaklah merujuk **Lampiran 2 MPPD-P(JPL)-01**.

6. KAEDAH PERMOHONAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN DAN IKLAN

- 6.1 Permohonan lesen perniagaan premis berisiko adalah secara manual iaitu dengan mengisi **Borang Permohonan Lesen Premis Perniagaan dan Iklan (MPPD-P(JPL)-01/01)**.
- 6.2 Borang Permohonan Lesen Premis Perniagaan dan Iklan boleh didapati melalui :
- i. Laman sesawang MPPD di <http://www.mppd.gov.my>
 - ii. Di Kaunter Jabatan Pelesenan, MPPD Tingkat 2, Terminal Bas Port Dickson.

7. PROSES PERMOHONAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN DAN IKLAN

7.1 KATEGORI PREMIS PERNIAGAAN BERISIKO

- i. Pemohon perlu mengisi dan melengkapkan **Borang Permohonan Lesen Premis Perniagaan dan Iklan (MPPD-P(JPL)-01/01)** dan dirujuk bersama-sama dengan **Lampiran 2 MPPD-P(JPL)-01**. Borang yang tidak lengkap tidak akan diterima dan akan dikembalikan untuk dilengkapi bersama-sama dokumen lain yang berkaitan.
- ii. Setelah borang lengkap diisi, borang hendaklah dihantar ke Kaunter Jabatan Pelesenan, MPPD Tingkat 2, Terminal Bas Port Dickson untuk semakan borang permohonan dan dokumen sokongan bagi tujuan pendaftaran permohonan. Hanya permohonan yang lengkap sahaja akan diterima dan didaftarkan dan pemohon perlu membayar wang proses sebanyak RM20.00.
- iii. Pegawai teknikal akan membuat semakan tapak dan akan menyediakan laporan ulasan untuk dipertimbangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan MPPD.
- iv. Surat pemakluman akan dikeluarkan berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan MPPD dan akan dihantar kepada pemohon melalui pos biasa.
- v. Pemohon perlu hadir ke Kaunter Jabatan Pelesenan, MPPD Tingkat 2, Terminal Bas Port Dickson setelah mendapat surat pemakluman bagi tujuan proses pembayaran, pengeluaran lesen perniagaan MPPD dan penerimaan syarat-syarat pelesenan mengikut jenis perniagaan.

7.2 KATEGORI PREMIS PERNIAGAAN TIDAK BERISIKO

- i. Pemohon perlu mengisi dan melengkapkan **Borang Permohonan Lesen Premis Perniagaan dan Iklan (MPPD-P(JPL)-01/01)** dan dirujuk bersama-sama dengan **Lampiran 2 MPPD-P(JPL)-02**. Borang yang tidak lengkap tidak akan diterima dan akan dikembalikan untuk dilengkapi bersama-sama dokumen lain yang berkaitan.
- ii. Setelah borang lengkap diisi, borang hendaklah dihantar ke Kaunter Jabatan Pelesenan, MPPD Tingkat 2, Terminal Bas Port Dickson untuk semakan borang permohonan dan dokumen sokongan bagi tujuan pendaftaran permohonan. Hanya permohonan yang lengkap sahaja akan diterima dan didaftarkan dan pemohon perlu membayar wang proses sebanyak RM20.00.
- iii. Pegawai teknikal akan membuat kiraan kadar lesen premis perniagaan dan iklan dan permohonan akan dirujuk kepada Pengarah Jabatan Pelesenan, MPPD untuk pertimbangan dan kelulusan permohonan.
- iv. Sekiranya permohonan lulus, pemohon perlu membayar kadar lesen, iklan dan patil di Kaunter Bayaran MPPD.
- vi. Dalam tempoh 30 hari, pegawai pemeriksa akan membuat lawatan tapak dan akan menyediakan laporan ulasan untuk dipertimbangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan MPPD sekiranya terdapat aktiviti-aktiviti perniagaan yang lain yang perlu dilesenkan.
- v. Surat pemakluman akan dikeluarkan berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan MPPD dan akan dihantar kepada pemohon melalui pos biasa.

8. DOKUMEN SOKONGAN PERMOHONAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN DAN IKLAN

8.1 Dokumen Asas

BIL.	DOKUMEN
1.	Gambar Pemohon (Berwarna) Bersaiz Pasport
2.	Satu (1) Salinan Kad Pengenalan
3.	Salinan Perakuan Pemerbadanan Syarikat/ Perakuan Pendaftaran Syarikat/ Perakuan Pendaftaran Perniagaan/ Perakuan Pendaftaran Perkongsian Liabiliti Terhad atau Sijil Pendaftaran Pertubuhan/ Persatuan/Kelab/Badan Profesional
4.	i. Lakaran Pelan Lokasi Perniagaan ii. Lakaran Pelan Lantai Premis iii. Gambar Hadapan, dalam, sisi dan belakang Premis
5.	Salinan Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (CF) atau Sijil Pematuhan(CCC/CFO) – untuk premis/ bangunan yang baru siap sahaja
6.	Salinan hakmilik/ Perjanjian sewaan/Surat Kebenaran Pemilik/Geran



GARIS PANDUAN PELESENAN PREMIS PERNIAGAAN DAN IKLAN

	Tanah@TOL (*mana yang berkaitan)
7.	Salinan cukai taksiran terkini
8.	Salinan cukai tanah
9.	Pengesahan Ejaan Penggunaan Bahasa pada Visual Iklan Premis oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (Laman web: www.dbp.gov.my)
10.	Pengesahan Jabatan Bangunan MPPD bagi Kelulusan Ubahsuai Bangunan/ Permit Bangunan Sementara (jika berkaitan)
11.	Surat sokongan bomba (Laman web: lesen.bomba.gov.my)
12.	Tambahan dokumen dan pematuhan syarat serta peraturan Pihak Berkuasa Melesen mengikut aktiviti Perniagaan (Lampiran I & II) (jika berkaitan)

9. PIAGAM PELANGGAN

Bagi kategori premis perniagaan berisiko, lesen akan dikeluarkan dalam tempoh 30 hari bekerja daripada tarikh permohonan dihantar. Manakala bagi premis perniagaan tidak berisiko, lesen akan dikeluarkan serta merta.

10. KADAR BAYARAN LESEN

Kadar bayaran lesen premis perniagaan adalah tertakluk kepada aktiviti perniagaan dan peruntukan UUK berkaitan.


BIL.	KATEGORI	KADAR LESEN YANG DIKENAKAN
1.	Lesen Premis Perniagaan (mengikut aktiviti dan jadual kadar harga yang diluluskan di dalam mesyuarat)	Merujuk kepada jadual kadar lesen mengikut UUK berkaitan bagi tempoh setahun
2.	Lesen Iklan	Mengikut keluasan dan unit iklan setahun
3.	Patil	RM5.00/setahun

11. TEMPOH SAH LAKU LESEN

Tempoh sah laku lesen penaja adalah satu tahun bermula dari 1 Januari hingga 31 Disember setiap tahun.

12. CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN DAN IKLAN

12.1 KATEGORI PREMIS PERNIAGAAN BERISIKO



12.2 **KATEGORI PREMIS PERNIAGAAN TIDAK BERISIKO**

